



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
TERENGGANU  
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN  
20576 KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424  
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078  
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>  
Emel: [plglrg@terengganu.gov.my](mailto:plglrg@terengganu.gov.my)

29  
5  
**PTG.TRG/05/1998/06/06-(5)**

Bertarikh : 08 Jun 2022

Bersamaan : 08 Zulkaedah 1443

- SEBAGAIMANA SENARAI EDARAN -

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/2022**

**PENYELARASAN KADAR DEPOSIT PERMIT PENGALIHAN BAHAN BATUAN  
DIBAWAH SEKSYEN 74 KANUN TANAH NEGARA**

**1. TUJUAN**

Arahan ini bertujuan untuk menyelaras dan menyeragam berkenaan jumlah kutipan deposit permit bahan batuan oleh Pentadbir Tanah Daerah yang dikenakan bagi tujuan pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan di bawah **seksyen 74 Kanun Tanah Negara [AKTA 828]**.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Menurut Seksyen 74 KTN, Pentadbir Tanah atau pegawai lain yang mengeluarkan permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan hendaklah menghendaki orang atau badan yang kepadanya permit itu dikeluarkan untuk mendeposit sejumlah wang yang munasabah sebagai sekuriti bagi :-
  - (a) pelaksanaan dan pematuhan dengan sempurna peruntukan-peruntukan dengan mana permit itu tertakluk ; dan
  - (b) pemulihan tanah dengan mana permit itu ada kaitan apabila terhentinya permit itu

**3. ISU DAN PERMASALAHAN**

- 3.1. Peraturan 52 (Peraturan Tanah Terengganu 1966) berkaitan kadar pengenaan bagi kutipan deposit permit bahan batuan telah memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menentukan kadar bayaran deposit tersebut seperti dinyatakan di bawah :

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Malaysia

**"52" Deposit in respect of permit to extract and remove rock material**

*As may be determined by the Land Administrator*

- 3.2. Hal ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman kutipan bayaran deposit permit bahan batuan di setiap Pejabat Tanah Daerah. Di samping itu, kadar deposit yang dikutip juga adalah tidak mencukupi bagi membaiki dan menyelenggara jalan-jalan dan tebing sungai yang rosak kesan aktiviti pengambilan bahan batuan di kawasan yang terlibat. Tambahan lagi, kebiasaan pembaikian kerosakan jalan PLB adalah menggunakan peruntukan pejabat walaupun terdapat deposit yang telah dikutip daripada pengusaha-pengusaha. Justeru itu, perlunya dikeluarkan satu arahan yang jelas kepada Pentadbir Tanah bagi mengatasi permasalahan tersebut.
  - 3.3. Memandangkan aktiviti perusahaan pasir untuk tujuan eksport dan projek melibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan kelulusannya melibatkan proses di UPEN, maka deposit permit bahan batuan tersebut adalah ditentukan oleh pihak UPEN. Manakala bagi pengusaha-pengusaha tempatan bertujuan untuk kegunaan dalam negeri akan di tentukan oleh Pentadbir Tanah Daerah.
4. **PENYERAGAMAN KUTIPAN DEPOSIT PERMIT BAHAN BATUAN (SEKSYEN 74 KTN) DI SETIAP DAERAH**
- 4.1. Kadar kutipan deposit permit bahan batuan adalah seperti berikut :-
    - i) **Deposit permit bahan batuan daripada tanah kerajaan**  
**= RM 5,000.00 kepada setiap pengusaha**
    - ii) **Deposit permit bahan batuan daripada tanah milik**  
**= RM 5,000.00 kepada pemilik tanah**
    - iii) **Deposit permit pasir sungai untuk tujuan domestik**  
**= RM 15,000.00 kepada pengusaha**
    - iv) **Syarat tambahan :-**  
*Bagi kos penyelenggaraan kerosakan yang melebihi jumlah deposit yang telah dikutip dan dibayar di para (i,ii dan iii), mananya pengusaha dan pemilik tanah hendaklah menampung kos lebihan tersebut.*
  - 4.2. Kutipan deposit hanya dikenakan kepada mana-mana pengusaha yang menggunakan/melalui jalan PLB sahaja sama ada jalan

- bertar/kasaran/tanah merah dan tidak melibatkan jalan-jalan negeri dan persekutuan.
- 4.3. Deposit hendaklah dijelaskan kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan dan pembayaran deposit ini adalah **MANDATORI** bagi setiap permohonan yang telah diluluskan.
  - 4.4. Kadar deposit ini adalah selaras dengan **Keputusan Mesyuarat Penyelarasan Bagi Penetapan Kadar Bayaran Deposit Permit Pengalihan Bahan Batuan (Seksyen 74 KTN)** pada 08 Februari 2022.

## 5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

- 5.1. Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memastikan pengenaan kutipan deposit permit bahan batuan di atas dipatuhi sepenuhnya.
- 5.2. Arahan ini hendaklah digunakan di seluruh Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Terengganu dan mula berkuatkuasa daripada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“TERENGGANU, MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”**  
**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZULKIFLI BIN ALI)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
**TERENGGANU**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
(Pembangunan)  
**TERENGGANU**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
(Pendaftaran)  
**TERENGGANU**

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
(Pendaftaran dan Hakmilik)  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
(Pelupusan Tanah / Galian)  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
(Hasil)  
**TERENGGANU**

Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
(Penguatkuasaan dan Teknikal)  
**TERENGGANU**

Pegawai Undang – Undang  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian  
**TERENGGANU**

## **SENARAI EDARAN**

Pentadbir Tanah  
**Kuala Terengganu**

Pentadbir Tanah  
**Kemaman**

Pentadbir Tanah  
**Dungun**

Pentadbir Tanah  
**Besut**

Pentadbir Tanah  
**Hulu Terengganu**

Pentadbir Tanah  
**Marang**

Pentadbir Tanah  
**Setiu**

Pentadbir Tanah  
**Kuala Nerus**

Disediakan oleh :  
Unit Penguatkuasaan dan Teknikal  
Unit Hasil